


Kita mahukan Wakil Rakyat yang menghormati wanita; Kita TIDAK mahu pemimpin yang seksis (sikap merendahkan wanita).

"Isu wanita jarang disentuh oleh lelaki", ..., "tetapi wanita sepatutnya disentuh oleh lelaki". Mohamed bin Aziz (BN-Sri Gading) [Malaysiakini, 15 Mei 2007]

Anda mampu hentikan sikap seksis!



KOMEN SEKSIS MENGHINA WANITA DAN LELAKI

Ahli Parlimen boleh memberantas sikap seksis di Parlimen

Sarankan Ahli Parlimen anda supaya:

- ❖ Sedar kelakuan dan komen seksis bukan bahan jenaka. Ia memperlekehkan maruah wanita. Perkara ini adalah serius.
- ❖ Bersuara dan mendesak untuk tindakan yang tegas diambil terhadap Ahli Parlimen yang memberi komen-komen seksis.
- ❖ Jangan menggalakkan Ahli Parlimen yang berkelakuan seksis, dengan gelak ketawa, bersorak atau menepuk tangan tanda setuju.
- ❖ Menganggap isu ini sebagai isu diskriminasi dan bukan isu 'masalah wanita' yang remeh-temeh semata-mata.
- ❖ Tidak menggunakan bahasa seperti 'emosional' dan 'agresif' apabila wanita bersuara menentang komen-komen ini.

Disediakan oleh
Joint Action Group for Gender Equality (JAG):

- Women's Centre for Change
- Women's Aid Organisation
- Sisters in Islam
- All Women's Action Society
- Pusat Janadaya (Empower)

c/o 13 Lorong 4/48E,
46050 Petaling Jaya, Selangor

UNDILAH PARLIMEN YANG TIDAK SEKSIS!

Komen seksis bukan bahan jenaka.

Ianya:

- MELANGGAR hak wanita
- MEWUJUDKAN budaya yang menghina wanita dan lelaki.

"Mana ada bocor? Batu Gajah pun bocor tiap-tiap bulan juga."

Bung Mokhtar Radin (BN-Kinabatangan)
dan Mohd Said Yusof (BN-Jasin)



JANGAN UNDI CALON SEKSIS

Sebelum mengundi, kami nak tanya dulu – apa pendirian anda tentang isu wanita?



Komen-komen yang seksis dan mendiskriminasi yang dibuat oleh Ahli Parlimen (MP) sejak beberapa tahun lalu

1. Komen menghina terhadap badan dan fungsi semulajadi wanita

Badruddin bin Amiruldin (BN–Yan sewaktu kejadian)

“Macam perempuan putus haid” ketika mengutuk Ahli Parlimen lelaki yang lain sewaktu perbahasan. [Malaysiakini, 15 Mei 2007]

Bung Mokhtar Radin (BN–Kinabatangan) dan Datuk Mohd Said Yusuf (BN–Jasin – digugurkan dalam Pilihanraya Umum 2008)

“Mana ada bocor? Batu Gajah pun bocor tiap-tiap bulan juga.” [DR 9.5.2007]

2. Membandingkan wanita dengan benda dan barangan

S. Samy Vellu (BN–Sungai Siput)

“Seorang wanita akan kelihatan cantik 50 tahun dulu, tetapi hari ini tak seberapa cantik” [Malaysiakini, 15 Mei 2007]

S. Samy Vellu (BN–Sungai Siput)

“Tandas itu seperti pengantin perempuan baru. Ia akan rosak selepas suatu ketika. Walaupun tidak kerap digunakan, ia harus dibersihkan setiap 25 minit.” [Malaysiakini, 15 Mei 2007]

3. Ungkapan yang ada maksud tersirat

Mohamed bin Aziz (BN–Sri Gading)

“Isu wanita jarang disentuh oleh lelaki,” dan kemudian menambah, “tetapi wanita sepatutnya disentuh oleh lelaki.” [Malaysiakini, 15 Mei 2007]

Bung Mokhtar Radin (BN–Kinabatangan)

“Boleh masuk sikit?” [Malaysiakini, 15 May 2007]

4. Menyalahkan wanita bagi jenayah seksual yang dilakukan oleh lelaki.

Badruddin bin Amiruldin (BN–Jerai)

berkenaan rogol dalam perkahwinan
“Kadangkala dia akan sengaja membuat laporan untuk memerangkap. Kalau dia dara, tak pe. Kita boleh selidik. Tapi kalau bukan dara, bagaimana kita nak tahu ianya rogol atau tidak?” [Malaysiakini, 15 Mei 2007]

Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar (BN–Larut)

Mengatakan bahawa wanita harus “menutup aurat” tidak kira agama, untuk menghindari gangguan seksual. Wanita disuruh berpakaian serba tutup “untuk kebaikan semua”. [DR. 13.3.2000].

Idris Haron (BN–Tangga Batu), Dr Mohd Hayati bin Othman (PAS–Pendang), Salahuddin Ayub (PAS–Kubang Kerian)

Mendakwa bahawa pakaian seragam pramugari MAS yang “seksi” akan menggoda penumpang lelaki. [Malaysiakini, 25 Mei 2007]

Shabudin Yahaya (BN–Permatang Berangan) dan Datuk Jasmin Mohamed (BN–Sungai Dua) ADUN Pulau Pinang.

“Pakaian perempuan menggoda dan mencabar lelaki.” [Malaysiakini, 15 Mei 2007]



Undi untuk Kesaksamaan Gender

5. Mengejek wanita sebagai ‘emosional’, atau merendahkan usia muda mereka

Timbalan Yang di-Pertua Dato' Haji Muhamad bin Abdullah

Seorang MP wanita disuruh jangan terlalu emosional dalam perdebatan mengenai Akta Imigresen 1963 dan Akta Cukai Pendapatan 1967 yang mendiskriminasi terhadap wanita. Isu yang dibangkitkannya telah ditolak. [DR 24.10.2000]

Tuan Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar (BN–PBB–Santubong)

Mengejek seorang MP perempuan dan memanggilnya ‘budak kecil’ dan menyuruhnya pulang dan ‘hisap pepetlah’. [DR 29.3.2000]

6. Merendahkan wanita kerana status perkahwinan mereka.

Bung Mokhtar bin Radin (BN– Kinabatangan)

“Apakah kesukaran mereka ini berkahwin balik sedangkan saya nampak banyak ibu-ibu tunggal ini masih cantik, masih lawa, apakah punca-punca sebenarnya?” dan dijawab oleh... [Malaysiakini, 15 Mei 2007]

Mohamad bin Haji Aziz (BN– Sri Gading)

“...sebabnya kerana umur, umur. Lelaki ini, Datuk, dia kalau perempuan muda, memang meleleh air liur dia”. [Malaysiakini, 15 Mei 2007]

Abdul Fatah Harun (PAS–Rantau Panjang).

“Janda yang kematian suami lebih berasa insaf dan memiliki air muka yang beriman. Manakala janda yang bercerai lain sikit sebahagian besarnya gatal.” [Malaysiakini, 15 Mei 2007]

Badruddin bin Amiruldin (BN–Jerai)

Sewaktu membahaskan isu cerai: “Kalau dengan YB Batu Gajah, berapa lama suami boleh tahan dengan dia (YB Fong)?” [Malaysiakini, 15 Mei 2007]